

*Creating a Culture of  
Urgency and Growth*

# ACCELERATE TOGETHER 2021

GREAT EASTERN TAKAFUL BERHAD • DANA-DANA BERKAITAN PELABURAN



Penyata Pengurus dan Maklumat Kewangan yang Telah Diaudit  
31 Disember 2021

- 1 Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif
- 4 Jawatankuasa Pengurusan Pelaburan
- 5 Objektif-objektif Dana
- 6 Ulasan dan Prospek Pelaburan
- 9 Prestasi Dana 2021
- 10 Perbandingan Prestasi Dana
- 16 Penyata oleh Pengurus
- 17 Laporan Jawatankuasa Syariah
- 18 Laporan Juruaudit Luar
- 21 Penyata-penyata Aset dan Liabiliti
- 22 Penyata-penyata Pendapatan dan Perbelanjaan
- 23 Penyata-penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih
- 24 Nota kepada Maklumat Kewangan



# KANDUNGAN

## PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



**Pemegang Saham yang dihormati,**  
Pasaran ekuiti Malaysia mengakhiri tahun 2021 pada kedudukan yang lebih kukuh berbanding tahun sebelumnya, walaupun peningkatan pandemik COVID-19 berterusan dan ketidaktentuan politik pada tahun tersebut.

**SHAHRUL AZLAN SHAHRIMAN**  
Chief Executive Officer

Walaupun terdapat cabaran-cabaran ini, Great Eastern Takaful Berhad mencatatkan keputusan yang memberangsangkan, terutamanya bagi dana ekuiti kami, Dana i-Mekar, yang mengatasi penanda aras berwajaran (FBM Emas Syariah, Indeks FBMS) sebanyak 4.04% setakat 31 Disember 2021. Sementara itu, Dana i-Makmur yang merupakan dana pendapatan tetap, dan Dana i-Majmuk, dana seimbang kami, masing-masing menjana pulangan sebanyak -2.06% dan -4.17%, dan mencatat prestasi yang lebih rendah daripada penanda aras berwajaran (FBMS & deposit 12 bulan).

Dari segi perniagaan, kami meneruskan usaha untuk mengembangkan perniagaan Takaful kami bagi mencuba peluang-peluang baharu yang belum diterokai. Pasukan dinamik Perunding Takaful kami yang telah mencecah bilangan lebih daripada 9,000 ahli, telah menyokong kami dalam merealisasikan matlamat ini.

Pengembangan penyelesaian produk juga menjadi tumpuan utama kami sepanjang tahun. Untuk meneruskan usaha ini, kami memanfaatkan analisis data untuk menukar maklumat mentah menjadi strategi yang boleh dilaksanakan bagi membantu kami mereka bentuk produk yang lebih baik dan lebih inovatif. Justeru, membolehkan kami mengembangkan jangkauan kepada segmen pelanggan baharu.

Kami terus memberi keutamaan kepada pelanggan kami dengan meningkatkan piawai perkhidmatan. Salah satu inisiatif sedemikian ialah pelancaran kempen digital tersasar yang dilakukan sejajar dengan pelancaran produk baharu kami bagi menekankan kepentingan perancangan kewangan. Ia juga berfungsi untuk mengingatkan pelanggan kami tentang ketersediaan kemudahan yang dapat membantu merancang kewangan mereka dengan berkesan.

## Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif (samb)

Antara kempen digital yang kami jalankan adalah untuk *i-Great Generasi*, pelan jangka masa fleksibel dengan peningkatan liputan automatik untuk memenuhi keperluan masa depan pelanggan kami yang sentiasa berubah. Inisiatif tersebut, yang dijalankan dari bulan Mei hingga Ogos 2021, melibatkan kempen video YouTube yang disokong oleh video TikTok serta kempen Pulangan Tunai (Cashback). Saya berbesar hati untuk menyatakan bahawa Great Eastern Takaful merupakan Pengendali Takaful pertama yang memperkenalkan kempen YouTube yang inovatif di mana pelanggan boleh menentukan kesudahan jalan cerita adegan kempen tersebut.

Kami terus memanfaatkan kuasa media sosial untuk meluaskan jangkauan kami. Dengan menggunakan Facebook dan Instagram, kami mendapat sambutan positif bagi kempen LPPSA MRTT untuk menggalakkan kakitangan kerajaan memohon MRTT Great Eastern Takaful bagi skim pinjaman perumahan mereka secara dalam talian dan tanpa menggunakan orang tengah. Kempen lain yang turut dilancarkan ialah *MikroSayang*, di bawah Skim *Perlindungan Tenang*, yang menyasarkan segmen B40 dengan objektif untuk memudahkan pendaftaran bagi produk perubatan dan penyakit kritikal mikrotakaful dalam talian.

Dari bulan Ogos hingga September 2021, kami melancarkan kempen digital Perekrutan #GetAhead bagi mendapatkan penyertaan webinar anjuran Great Eastern Takaful. Kempen tersebut bertujuan untuk memperkenalkan peluang kerjaya baharu kepada rakyat Malaysia yang terjejas dari segi kewangan akibat COVID-19.

Kami meneruskan usaha misi kami sepanjang tahun untuk mencapai lebih ramai orang dengan penyediaan penyelesaian yang mampu milik. Untuk tujuan ini, kami memperkenalkan rider *i-Lifetime Critical Illness* yang membolehkan pelanggan meningkatkan pelan perlindungan mereka terhadap 56 penyakit kritikal.

Kerjasama strategik kami dengan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) memberi inspirasi kepada kami untuk melancarkan *SSPN Simpan Plus*, Pelan Takaful Bertempoh Berkelompok dengan bayaran berkala. Dengan produk ini, lebih daripada 5 juta ahli Dana akan memperoleh perlindungan untuk keperluan pendidikan mereka di bawah Skim Pendidikan Simpanan Nasional.

Kerjasama dengan PTPTN mencatat pencapaian penting apabila Dana ini melantik Great Eastern Takaful sebagai penyedia takaful tunggal selama dua tahun untuk menguruskan SSPN Prime, pelan Takaful Bertempoh Berkelompok. Dalam tempoh tersebut, PTPTN telah memberi kepercayaan kepada kami untuk mencapai 500,000 ahli Skim Pendidikan Nasional bagi mewujudkan kesedaran dan memacu penyertaan pelan ini.



## Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif (samb)

Pada masa yang sama, kami mengukuhkan lagi hubungan kami dengan rakan kongsi bancatakaful kami, Affin Bank dan OCBC Al-Amin, dengan menyediakan produk yang memenuhi keperluan pelanggan mereka yang berkembang seiring perubahan peringkat kehidupan mereka. Kami melancarkan Affin Vantage Series bersama Affin Bank untuk memenuhi keperluan simpanan dan perlindungan segmen pelanggan umum dan mewah. Bagi OCBC Al-Amin, kami memperkenalkan pelan Empower-i, Pelan Takaful Universal dengan pembayaran terhad yang menyediakan Manfaat Kematian, Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal, dan Manfaat Kematangan, termasuk pendorong kematangan.

Sementara itu, kami melancarkan *Family Protect*, *Critical Illness Care*, dan *TeamCare* di platform digital Axiata Digital Capital, rakan kongsi pertalian kami. *Family Protect*, Pelan Takaful Bertempoh Berkelompok yang boleh diperbaharui setiap tahun, menyediakan manfaat perbelanjaan perubatan percuma untuk anak-anak pemegang sijil tanpa keperluan pengunderaitan.

Manakala, *Critical Illness Care*, yang juga merupakan pelan Takaful Bertempoh Berkelompok yang boleh diperbaharui setiap tahun, menyediakan perlindungan penyakit kritikal. Sebaliknya, *TeamCare* memastikan perlindungan untuk para pekerja Perusahaan Kecil dan Sederhana dengan menyediakan Skim Kemasukan Hospital Kumpulan.

Tatkala kita terus maju ke dalam tahun 2022, kita menjangka menghadapi lebih banyak cabaran apabila ekonomi negara menjadi semakin giat selepas pelonggaran sekatan COVID-19. Walau bagaimanapun, komitmen teguh kami untuk mempertingkatkan produk dan perkhidmatan kami kekal dan pada masa yang sama kami terus berusaha untuk memberikan nilai terbaik kepada pelanggan, rakan kongsi dan pelabur kami.

Bagi pihak Great Eastern Takaful, saya ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada anda semua atas sokongan anda yang tidak berbelah bahagi dan meletakkan kepercayaan anda kepada kami sebagai rakan takaful pilihan anda. Semoga Allah SWT memberikan panduan dalam semua yang kita lakukan, Amin.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.

Untuk Great Eastern Takaful Berhad,

**SHAHRUL AZLAN SHAHRIMAN**

Ketua Pegawai Eksekutif

## JAWATANKUASA PENGURUSAN ASET LIABILITI

### Ahli Jawatankuasa

**Shahrul Azlan bin Shahrizan** (*Pengerusi*)

Ketua Pegawai Eksekutif, Great Eastern Takaful Berhad

**Jasveen Kaur Marne**

Ketua Pegawai Kewangan, Great Eastern Takaful Berhad

**Mohd Khalid bin Khairullah**

Aktuari Yang Dilantik, Great Eastern Takaful Berhad

**Nik Ikhwan Nik Mahmood**

Pengurus Kanan Portfolio – Saham, Pelaburan Ekuiti, Great Eastern Life (Malaysia) Berhad

**Leong Yu Ting**

Penolong Naib Presiden, Pengurusan Risiko dan Kewangan, Great Eastern Life (Malaysia) Berhad

**Nurul Sheila Khalib**

Naib Presiden & Ketua, Pemasaran, Great Eastern Takaful Berhad

## JAWATANKUASA SYARIAH

### Ahli Jawatankuasa

**Dr. Akhtarzaite binti Abdul Aziz** (*Pengerusi*)

**Prof. Dato' Dr. Wan Sabri bin Wan Yusof** (*bersara pada 12 December 2021 kerana tamat tempoh*)

**Asst. Prof. Dr. Mohamad Sabri bin Zakaria**

**Assoc. Prof. Dr. Siti Salwani binti Razali**

**Prof. Dr. Suhaimi bin Ab Rahman**

**Dr. Mohammad Firdaus bin Mohammad Hatta**



## OBJEKTIF-OBJEKTIF DANA

### Dana i-Makmur

Sebuah dana yang melabur di dalam sekuriti Islam pendapatan tetap, contohnya sukuk kerajaan dan korporat (daripada 40% hingga 100%) dan bakinya dilabur didalam deposit patuh Syariah. Dana ini bertujuan untuk memberikan pulangan konsisten pada pergolakan berparas rendah. Walaupun dana ini dilaburkan terutamanya di Malaysia, ia boleh juga dilaburkan didalam sekuriti Islam pendapatan tetap di luar negara (sehingga 50%) untuk meningkatkan pulangan dana. Dana i-Makmur hanya melabur dalam sekuriti patuh Syariah.

### Dana i-Mekar

Sebuah dana di mana 80% hingga 100% pelaburannya adalah di dalam ekuiti patuh Syariah, yang mungkin bergolak dalam jangka pendek, dan juga deposit patuh Syariah. Dana ini bertujuan untuk memperoleh peningkatan modal jangka sederhana ke panjang. Walaupun dana ini dilaburkan terutamanya di Malaysia, sebahagiannya boleh dilaburkan di Singapura (sehingga 25%) dan Hong Kong (sehingga 25%) bila dan jika perlu bagi meningkatkan pulangan dana. Dana i-Mekar hanya dilaburkan dalam sekuriti patuh Syariah.

### Dana i-Majmuk

Sebuah dana yang melabur di dalam ekuiti patuh Syariah, sekuriti pendapatan tetap dan deposit patuh Syariah. Terdapat fleksibiliti dalam peruntukan aset kerana dana ini boleh dilaburkan dalam sekuriti pendapatan tetap atau ekuiti patuh Syariah sepenuhnya. Dana ini bertujuan untuk memberikan peningkatan modal jangka sederhana ke panjang, dengan pergolakan pada paras sederhana. Dana i-Majmuk hanya dilaburkan dalam sekuriti patuh Syariah.

## ULASAN DAN PROSPEK PELABURAN

### Kajian Pasaran Ekuiti 2021

Aset berisiko global mencapai prestasi yang baik pada tahun 2021 dengan indeks Dunia MSCI meningkat kepada 16.8%. Indeks tersebut telah mencatatkan peningkatan peratusan sebanyak dua digit untuk tahun ketiga berturut-turut. Selain itu, ia meningkat hampir dua kali ganda berbanding tahap paling rendahnya pada permulaan pandemik COVID-19 pada bulan Mac 2020. Aktiviti ekonomi global kembali kukuh pada hujung tahun dengan tanda-tanda pengurangan kekangan bekalan dan peningkatan pengeluaran perindustrian yang menggalakkan. Namun demikian, inflasi kekal tidak menentu pada 2H21. Bank pusat bertindak dengan mengambil langkah pengurangan dan mengumumkan kenaikan kadar. Ini mengesahkan komitmen mereka kepada sasaran inflasi mereka. Pasaran ekuiti A.S menunjukkan prestasi yang baik dengan S&P 500 hampir mencecah tahap tertinggi, walaupun terdapat peningkatan kes COVID baharu dan Rizab Persekutan Amerika Syarikat (U.S Federal Reserve) mengamalkan dasar yang lebih ketat. Seperti yang dijangkakan, Rizab Persekutan Amerika Syarikat mempercepatkan proses pengurangan yang dijangka akan berakhir pada Mac 2022. Ini memberi isyarat bahawa akan terdapat tiga kenaikan kadar pada tahun 2022. Pasaran China mengalami pergolakan pada tahun 2021 apabila kerajaan mengenakan kawalan ketat terhadap pelbagai sektor yang merangkumi pendidikan, internet, penjagaan kesihatan, dan juga harta tanah. Tindakan ini telah menjejaskan sentimen pelabur.

Dari segi prestasi berbanding negara jirannya di ASEAN, FBM KLCI secara keseluruhannya ketinggalan dengan mencatatkan pulangan -3.7% pada tahun 2021. Sementara pelabur berharap untuk kembali kepada keadaan normal pada tahun 2021, pasaran ekuiti Malaysia menghadapi pelbagai halangan terutamanya kebangkitan semula virus yang telah merosakkan pelan pemulihan. Justeru, kerajaan terpaksa mengenakan sekatan pergerakan dan ke atas aktiviti ekonomi sepanjang tempoh suku ketiga tahun 2021. Ketidaktentuan politik terus menjadi tajuk utama apabila Perdana Menteri Malaysia, YB Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin Haji Md Yassin meletak jawatan pada pertengahan bulan Ogos. Prestasi pasaran yang mencatat peningkatan selepas peralihan kuasa yang lancar kepada YB Dato' Sri Ismail Sabri Yaacob, Perdana Menteri yang baru dilantik, tidak bertahan lama. In disebabkan oleh tindak balas para pelabur terhadap implikasi negatif pelaksanaan cukai kemakmuran yang diumumkan dalam Bajet tahun 2022 serta kemunculan strain Omicron yang baharu.

### Kajian Pasaran Pendapatan Tetap 2021

Setelah sekian lama, pasaran Pendapatan Tetap Malaysia mencatat pulangan negatif yang pertama pada tahun 2021. Di peringkat global, pasaran mengambil langkah pemulihan dan memulakan penentuan harga dengan menarik balik rangsangan monetari. Terdapat juga perdebatan mengenai inflasi, yang Rizab Persekutan Amerika Syarikat (U.S. Federal Reserve) anggap sebagai keadaan 'sementara'. Namun, ia menggugurkan label itu pada hujung tahun setelah menghadapi tekanan daripada pengguna, pasaran dan kedua-dua belah spektrum politik yang menganggapnya sebagai tindakan yang tidak mengikut perkembangan semasa. Kemenangan Parti Demokrat Amerika Syarikat dalam pilihan raya Senat Amerika Syarikat di Georgia pada bulan Januari yang membolehkan Parti Demokrat menguasai Kongres selain White House membawa kepada penilaian ekonomi yang lebih optimis dan seterusnya mencetuskan inflasi. Keputusan tersebut menyebabkan komuniti pelabur berpendapat bahawa Presiden Joe Biden akan dapat meneruskan rangsangan fiskal dengan mudah.





## Ulasan dan Prospek Pelaburan (samb)

### Kajian Pasaran Pendapatan Tetap 2021 (samb)

Selain itu, program Sasaran Inflasi Purata Rizab Persekutuan Amerika Syarikat (Average Inflation Targeting, "AIT") menunjukkan bahawa inflasi akan mendapat perhatian utama Rizab Persekutuan Amerika Syarikat Tambahan kepada gangguan rantaian bekalan yang selalu menjadi tajuk utama ialah "Peletakan Jawatan Besar-besaran" ("Great Resignation") yang merupakan satu lagi fenomena yang menarik. Ia mungkin disebabkan oleh pandemik yang menyebabkan sesetengah segmen masyarakat memilih untuk bersara lebih awal atau beristirahat manakala sesetengah pekerja yang juga merupakan ibu masih tidak dapat kembali bekerja kerana tidak dapat bantuan penjagaan anak. Terdapat faktor lain yang menyebabkan peningkatan kuasa perundingan para pekerja. Keadaan ini membawa kepada kekurangan tenaga kerja dan gaji yang lebih tinggi di Amerika Syarikat. Fed mula mengambil langkah mengurangkan program pembelian bonnya mulai bulan November 2021 selepas menilai bahawa dasar rangsangan monetari yang dilaksanakan semasa pandemik tidak lagi wajar. Di China, tindakan keras pengawalseliaan dan dasar sifar COVID membangkitkan kebimbangan terhadap pertumbuhan ekonomi kedua terbesar dunia itu. Walau bagaimanapun, apabila China mula melonggarkan dasar, ia adalah jelas bahawa pucuk pemimpinnya mempunyai toleransi yang terhad terhadap kesan negatif ke atas usaha mereka ke arah pencapaian kemakmuran bersama. Walaupun hasil sekuriti Malaysia sering bergerak seiring dengan Perbendaharaan Amerika Syarikat, pasaran Malaysia mempunyai beberapa pemacu khusus lain yang membawa kepada prestasi negatif: lebih banyak pakej rangsangan ekonomi pada tahun kedua pandemik yang melibatkan suntikan fiskal langsung berjumlah RM28 bilion, meningkatkan had hutang berkanun daripada 60% kepada 65% daripada keluaran dalam negara kasar sehingga akhir tahun 2022, dan penerusan skim pengeluaran daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

Perkara-perkara ini memberi kesan kepada keadaan penawaran dan permintaan sekuriti kerajaan Malaysia. Pergolakan politik berterusan dengan perdana menteri kedua mengambil alih pucuk kepimpinan negara Malaysia setelah sekian lama. Antara perkembangan positif ialah negara terus mengekalkan keahliannya dalam *World Government Bond Index FTSE* dan telah dialih keluar daripada senarai pengawasan untuk penyingkiran berpotensi. Ini membantu menambah baik sentimen pasaran. Program vaksinasi negara pula yang mengalami permulaan yang agak sukar apabila jangkitan dan kematian semakin meningkat, akhirnya berjalan dengan lancar dan prospek ekonomi adalah lebih cerah apabila sekatan pergerakan dimansuhkan. Menjelang akhir tahun, ramai yakin bahawa Bank Negara Malaysia mungkin mula menaikkan kadar dasar semalaman pada tahun 2022.

### Tinjauan Pasaran Ekuiti 2022

Aktiviti ekonomi berakhir pada tahun 2021 dengan kukuh, berikutan pengeluaran perindustrian yang giat serta tanda-tanda tentatif pelonggaran kekangan bekalan memandangkan masa penghantaran dapat dipendekkan dan pesanan tidak dipenuhi terus berkurangan. Ini menggalakkan tetapi jangkitan Omicron yang semakin meningkat menjadikan penambahbaikan bekalan selanjutnya mencabar untuk jangka masa terdekat. Permintaan sepatutnya berdaya tahan disebabkan oleh dorongan daripada simpanan yang tinggi dan pasaran buruh yang kukuh serta perbelanjaan modal. Kami menjangkakan bahawa ekonomi global akan terus berkembang dalam beberapa bulan akan datang. Inflasi meningkat tetapi terdapat beberapa tanda bahawa tekanan peningkatan harga serta harga tenaga semakin berkurangan. Bank pusat telah beralih ke arah trajektori yang mengetatkan. Ini sepatutnya membantu mengurangkan beberapa ketidakseimbangan dan menambat jangkakan inflasi.

## Ulasan dan Prospek Pelaburan (samb)

### Tinjauan Pasaran Ekuiti 2022 (samb)

Jangkaan kami untuk tahun 2022 ialah ketidaktentuan yang lebih tinggi dan perbezaan yang lebih besar pada kelas aset berbanding tahun lepas. Selain itu, COVID akan kekal menjadi tumpuan utama para pelabur. Bagaimanapun, ia tidak jelas sama ada gelombang keempat semasa yang menyaksikan jangkitan global mencatat jumlah tertinggi akan mewujudkan ketidaktentuan atau dikaitkan dengan wabak yang berkembang menjadi endemik dengan kadar kemasukan ke hospital dan rawatan rapi yang lebih rendah secara beransur-ansur. Prospek pertumbuhan untuk pasaran baru muncul berbanding pasaran maju kelihatan jauh lebih baik pada tahun 2022 sementara kadar vaksinasi dipertingkatkan dan momentum ekonomi bertambah baik. Sebahagian besar bank pusat di ASEAN terus berwaspada kerana inflasi kekal wujud. Ekuiti ASEAN pulih pada tahun 2021 tetapi berkemungkinan menunjukkan prestasi yang agak terhad kerana ekonomi masih dalam peringkat pemulihan awal serta keadaan kewangan global yang semakin ketat. Di Malaysia, ekonomi dijangka pulih dan meneruskan trajektori pertumbuhannya dengan Bank Negara Malaysia meramalkan pertumbuhan KDNK sebanyak 5.5 – 6.5%. Dari segi strategi, kami menjangkakan ekuiti akan memberikan pertumbuhan dalam portfolio yang seimbang tetapi harus berwaspada terhadap ketidaktentuan politik yang mungkin muncul dalam tahun pilihan raya sementara kemungkinan kemunculan ancaman gelombang COVID-19 baharu masih boleh menjejaskan pertumbuhan.

### Tinjauan Pasaran Pendapatan Tetap 2022


Faktor-faktor yang menjejaskan prestasi pada tahun 2021 yang merangkumi jangkaan bank pusat memulakan kitaran kenaikan kadar, kekhawatiran terhadap inflasi, pembukaan semula ekonomi, akan berterusan sehingga tahun 2022. Ini menyokong amalan sikap berwaspada. Walau bagaimanapun, bagi pasaran Malaysia, pertimbangan harus diberikan kepada tahap faktor-faktor ini diambil kira dalam penilaian dan kesan penarikan balik rangsangan terhadap pertumbuhan seterusnya. Di samping itu, permintaan sektor pencen untuk pendapatan tetap sepatutnya kembali kerana pengeluaran besar-besaran dari EPF (seperti i-Citra, i-Lestari dll) tidak dijangka akan berulang dan permintaan untuk pendapatan patut terus menarik minat pelabur asing.

Selaras dengan jangkaan kenaikan kadar Amerika Syarikat, Perbendaharaan Amerika Syarikat akan terus menjadi pemacu utama pasaran Pendapatan Tetap Malaysia. Pilihan raya pertengahan penggal Amerika Syarikat menuju ke 2H22 juga akan mempunyai implikasi ke atas dasar fiskal Amerika Syarikat, serta sebarang dasar luar, terutamanya terhadap China. Dengan penarafan kedaulatan Malaysia kekal pada unjuran negatif oleh S&P, risiko penurunan taraf kekal pada tahun 2022. Ramalan rasmi untuk defisit fiskal ialah 6.0% untuk tahun 2022 berdasarkan unjuran pertumbuhan KDNK 5.5% - 6.5%. Jika negara dapat terus membuka semula ekonomi dengan selamat, maka laluan negara ke arah mengurangkan defisit dan tahap hutang harus berada pada landasan yang betul. Ini akan mengurangkan kebimbangan. Varian COVID baharu mungkin muncul tetapi mudah-mudahan ia tidak memudaratkan. Pelaksanaan vaksinasi Malaysia yang berjaya dan dorongan untuk pengambilan dos penggalak akan membantu membendung kesan COVID-19. Dari segi politik, Malaysia akan terus menjadi tumpuan. Ia diharapkan kerajaan yang lebih stabil dapat diwujudkan selepas pilihan raya.




# PRESTASI DANA 2021


## Dana i-Makmur



## Dana i-Mekar



## Dana i-Majmuk



## PERBANDINGAN PRESTASI DANA

### Dana i-Makmur

	2021 (RM)	2021 (%)	2020 (RM)	2020 (%)	2019 (RM)	2019 (%)	2018 (RM)	2018 (%)	2017 (RM)	2017 (%)
(f) Komposisi dana mengikut sektor industri dan kategori pelaburan:										
Sukuk Korporat & Instrumen pasaran Modal Hibrid										
Bahan Pembinaan/Pembangunan	6,138,420	5.16%	6,298,185	5.83%	6,256,065	8.11%	6,055,890	11.45%	1,493,700	3.88%
Kewangan	5,981,660	5.02%	1,111,370	1.03%	22,138,735	28.73%	19,174,715	36.24%	4,078,340	10.59%
Lebuhraya	814,464	0.68%	835,680	0.77%	769,464	1.00%	696,088	1.32%	856,816	2.23%
Runcit	1,513,605	1.27%	—	—	—	—	—	—	—	—
Hartanah	13,112,836	11.02%	2,842,060	2.63%	2,732,834	3.55%	2,622,958	4.96%	7,599,604	19.74%
Runcit	—	—	—	—	—	—	1,002,460	1.89%	1,001,500	2.60%
Lain-lain	—	—	11,374,880	10.53%	—	—	—	—	—	—
Tenaga	30,341,823	25.50%	37,775,316	34.97%	9,168,743	11.90%	3,872,802	7.32%	3,756,620	9.76%
Telekomunikasi	2,926,740	2.46%	3,102,720	2.87%	—	—	—	—	—	—
Investment Holding	—	—	—	—	—	—	904,977	1.71%	—	—
Pegangan Pelaburan	5,624,140	4.73%	1,408,968	1.30%	1,352,424	1.76%	1,277,748	2.41%	5,257,760	13.66%
Utiliti	15,147,150	12.73%	—	—	—	—	—	—	—	—
Motor	—	—	—	—	—	—	—	—	4,028,320	10.46%
	81,600,838	68.57%	64,749,179	59.93%	42,418,265	55.05%	35,607,638	67.30%	28,072,660	72.92%
Aset berisiko rendah										
Terbitan Kerajaan	17,841,090	14.99%	33,490,000	30.99%	17,537,020	22.76%	—	—	7,138,670	18.54%
Depositi dengan institusi kewangan										
Islam	17,700,000	14.87%	8,300,000	7.68%	15,600,000	20.25%	16,000,000	30.24%	3,000,000	7.79%
Tunai dan baki bank	195,991	0.16%	771,186	0.71%	439,518	0.57%	189,422	0.36%	149,713	0.39%
Lain-lain aset/(liabiliti)	1,657,715	1.40%	743,596	0.69%	1,056,241	1.37%	1,113,200	2.10%	140,047	0.36%
Jumlah	118,995,634	100.00%	108,053,961	100.00%	77,051,044	100.00%	52,910,260	100.00%	38,501,090	100.00%

## Perbandingan Prestasi Dana (samb)

### Dana i-Makmur (samb)

	2021 (RM)	2021 (%)	2020 (RM)	2020 (%)	2019 (RM)	2019 (%)	2018 (RM)	2018 (%)	2017 (RM)	2017 (%)
(II) Jumlah nilai aset bersih ("NAV")	118,995,634	-	108,053,961	-	77,051,044	-	52,910,260	-	38,501,090	-
(III) Bilangan Unit	62,111,073	-	55,376,584	-	43,440,902	-	32,643,493	-	25,329,967	-
(IV) NAV setiap unit	1,916	-	1,951	-	1,774	-	1,621	-	1,520	-
(V) NAV tertinggi setiap unit sepanjang tahun kewangan	1,944	-	1,956	-	1,767	-	1,621	-	1,520	-
(VI) NAV terendah setiap unit sepanjang tahun kewangan	1,853	-	1,757	-	1,589	-	1,508	-	1,453	-
(VII) Jumlah pulangan tahunan bagi dana (%) Pertumbuhan modal	-	-2.06%	-	10.36%	-	10.60%	-	5.37%	-	6.27%
(VIII) Jumlah pulangan (%) Satu tahun	-	-2.06%	-	10.36%	-	10.57%	-	5.37%	-	6.27%
Tiga tahun	-	19.51%	-	28.58%	-	23.82%	-	21.67%	-	22.50%
Lima tahun	-	33.83%	-	48.47%	-	42.73%	-	35.12%	-	32.51%
(IX) Prestasi indeks penanda aras yang berkaitan – Deposit Mudharabah 12 Bulan (%) Satu tahun	-	1.61%	-	2.06%	-	2.94%	-	2.94%	-	2.94%
Tiga tahun	-	6.75%	-	8.15%	-	9.08%	-	9.27%	-	9.56%
Lima tahun	-	13.12%	-	14.80%	-	16.09%	-	16.39%	-	16.70%

## Perbandingan Prestasi Dana (samb)

## Dana i-Mekar

(i)	2021 (RM)	2021 (%)	2020 (RM)	2020 (%)	2019 (RM)	2019 (%)	2018 (RM)	2018 (%)	2017 (RM)	2017 (%)
Komposisi dana mengikut sektor industri dan kategori pelaburan:										
Ekuiti patuh syariah										
Pertanian & Pelombongan	1,989,778	0.68%	3,057,088	1.24%	15,570,797	9.10%	12,660,309	10.55%	3,257,020	3.49%
Bahan Pembinaan/Pembangunan	16,518,815	5.65%	14,120,640	5.72%	933,255	0.55%	2,272,988	1.89%	1,490,335	1.60%
Konglomerat	16,924,121	5.78%	13,135,761	5.32%	5,412,117	3.16%	7,247,585	6.04%	2,980,236	3.19%
Pembinaan	10,065,597	3.44%	14,207,298	5.76%	4,904,404	2.86%	3,031,554	2.53%	7,481,066	8.02%
Kewangan	3,539,400	1.21%	6,070,534	2.45%	1,901,680	1.11%	1,753,300	1.46%	—	—
Perkhidmatan IT	—	—	—	—	—	—	736,274	0.61%	—	—
Infrastruktur	—	—	705,550	0.29%	—	—	1,432,995	1.19%	—	—
Perkhidmatan Pelancongan	—	—	705,550	0.29%	—	—	—	—	—	—
Motor	8,704,788	2.98%	3,086,256	1.25%	5,698,792	3.32%	8,816,226	7.35%	3,466,960	3.71%
Minyak & Gas	37,330,095	12.76%	33,533,746	13.58%	27,443,266	16.04%	18,276,721	15.23%	13,274,437	14.22%
Lain-lain	27,904,654	9.54%	11,644,296	4.72%	5,420,500	3.17%	3,131,590	2.61%	792,858	0.85%
Lain-lain – Pembinaan	3,390,383	1.16%	14,358,366	5.81%	8,100,868	4.74%	1,567,500	1.31%	10,182,110	10.91%
Hartanah	8,990,085	3.07%	9,699,903	3.93%	18,398,662	10.75%	12,103,490	10.09%	9,261,802	9.92%
Institusi Kuasi-Kerajaan	2,572,965	0.88%	—	—	—	—	—	—	—	—
Teknologi	26,693,221	9.12%	14,526,485	5.88%	425,000	0.25%	—	—	6,903,658	7.40%
Telekomunikasi	43,850,623	14.99%	43,261,171	17.52%	19,015,655	11.10%	9,844,184	8.20%	11,003,609	11.79%
Perdagangan & Peruncitan	9,244,477	3.16%	—	—	867,024	0.51%	—	—	—	—
Pengangkutan	15,533,103	5.31%	5,649,283	2.29%	8,606,479	5.03%	2,827,400	2.36%	—	—
Utiliti	28,535,951	9.75%	33,025,070	13.38%	24,904,433	14.55%	13,981,620	11.65%	10,157,525	10.88%
	261,788,056	89.48%	220,081,447	89.14%	147,602,932	86.24%	99,683,746	83.07%	80,251,616	85.98%
Deposit dengan institusi kewangan Islam										
Tunai dan baki bank	5,000,000	1.71%	29,900,000	12.11%	22,600,000	13.20%	22,900,000	19.08%	15,600,000	16.72%
Lain-lain aset/(liabiliti)	23,757,025	8.12%	614,109	0.25%	424,590	0.25%	485,389	0.40%	338,298	0.36%
	2,011,974	0.69%	(3,736,033)	-1.50%	545,311	0.31%	(3,073,118)	-2.55%	(2,865,257)	-3.06%
Jumlah	292,557,060	100.00%	246,859,523	100.00%	171,172,833	100.00%	119,996,016	100.00%	93,324,657	100.00%



## Perbandingan Prestasi Dana (samb)

## Dana i-Majmuk

	2021 (RM)	2021 (%)	2020 (RM)	2020 (%)	2019 (RM)	2019 (%)	2018 (RM)	2018 (%)	2017 (RM)	2017 (%)
(i) Komposisi dana mengikut sektor industri dan kategori pelaburan: Ekuiti patuh syarat										
Pertanian & Pelombongan	3,053,446	3.42%	3,834,202	4.92%	2,857,400	4.48%	2,107,700	4.31%	905,400	2.33%
Bahan Pembinaan/Pembangunan	4,618,322	5.15%	4,230,238	5.42%	395,250	0.62%	410,550	0.84%	625,348	1.61%
Konglomerat	4,155,617	4.64%	2,673,428	3.43%	1,478,200	2.31%	1,233,250	2.52%	1,164,189	3.00%
Pembinaan	4,364,262	4.87%	3,089,804	3.96%	882,789	1.37%	2,340,730	4.79%	1,749,933	4.51%
Kewangan	290,540	0.32%	1,434,078	1.84%	939,000	1.47%	356,000	0.73%	—	—
Infrastruktur	488,800	0.55%	—	—	—	—	—	—	—	—
Perkhidmatan IT	—	—	—	—	—	—	173,250	0.35%	—	—
Perkhidmatan Pelancongan	—	—	319,300	0.41%	—	—	—	—	—	—
Motor	747,840	0.83%	—	—	2,008,200	3.15%	2,653,000	5.42%	—	—
Minyak & Gas	11,240,356	12.54%	12,797,348	16.40%	6,549,575	10.27%	5,908,896	12.08%	2,692,796	6.94%
Lain-lain	7,007,965	7.83%	2,429,993	3.12%	1,486,900	2.33%	1,130,400	2.31%	1,555,660	4.01%
Lain-lain - Pembinaan	5,438,153	6.09%	10,908,549	14.00%	1,550,876	2.43%	—	—	2,689,987	6.93%
Hartanah	1,317,599	1.47%	499,010	0.64%	2,272,300	3.56%	1,684,150	3.44%	3,855,641	9.94%
Institusi Kuasi-Kerajaan	856,575	0.96%	1,103,380	1.41%	—	—	—	—	—	—
Teknologi	5,718,760	6.38%	6,318,155	8.10%	253,300	0.40%	225,000	0.46%	2,861,100	7.37%
Telekomunikasi	12,635,526	14.09%	6,945,612	8.90%	4,204,962	6.60%	3,488,450	7.03%	4,276,124	11.02%
Perdagangan & Peruncitan	867,160	0.97%	855,380	1.10%	—	—	245,700	0.50%	—	—
Pengangkutan	3,482,225	3.86%	1,738,110	2.23%	668,000	1.05%	804,000	1.64%	—	—
Utiliti	5,699,926	6.36%	5,140,093	6.59%	7,028,300	11.01%	4,591,000	9.39%	3,952,985	10.19%
	71,963,072	80.33%	64,316,680	82.47%	32,575,052	51.05%	27,302,076	55.81%	26,329,163	67.87%
Sukuk Korporat & Instrumen pasaran Modal Hibrid										
Lebuhraya	—	—	—	—	—	—	2,110,640	4.32%	2,105,660	5.43%
Utiliti	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—
Hartanah	1,031,940	1.15%	1,059,520	1.36%	1,030,690	1.62%	1,000,270	2.04%	994,790	2.56%
Telekomunikasi	1,951,160	2.18%	2,068,480	2.65%	2,670,450	4.19%	—	—	—	—
Pengangkutan	154,370	0.17%	—	—	—	—	—	—	—	—
Motor	—	—	—	—	—	—	—	—	1,007,080	2.60%
	3,137,470	3.50%	3,128,000	4.01%	3,701,140	5.81%	3,110,910	6.37%	4,107,530	10.59%





## PENYATA OLEH PENGURUS

Kami, Shahrul Azlan Bin Shahrman dan Jasveen Kaur Marne, menyatakan bahawa, pada pendapat Great Eastern Takaful Berhad (“Pengurus”), maklumat kewangan mengiringi Dana Berkaitan Pelaburan Great Eastern Takaful Berhad, yang terdiri daripada Dana i-Makmur, Dana i-Mekar dan Dana i-Majmuk yang dibentangkan pada mukasurat 21 to 49 telah disediakan selaras dengan polisi-polisi perakaunan sebagaimana dinyatakan dalam Nota 2.2 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan mengenai Perniagaan Berkaitan Pelaburan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

Bagi pihak Pengurus,

**Shahrul Azlan Bin Shahrman**

**Jasveen Kaur Marne**

Kuala Lumpur, Malaysia  
8 April 2022

## LAPORAN JAWATANKUASA SYARIAH

Kepada pemegang-pemegang unit dana-dana berkaitan pelaburan Great Eastern Takaful Berhad,

Kami, Dr. Akhtarzaite binti Abdul Aziz dan Dr Mohammad Firdaus bin Mohammad Hatta, selaku dua orang ahli Jawatankuasa Syariah untuk Dana i-Makmur, Dana i-Mekar dan Dana i-Majmuk (secara kolektifnya dikenali sebagai "Dana-dana") berpendapat bahawa Great Eastern Takaful Berhad ("Pengurus"), telah memenuhi tanggungjawab mereka dalam cara-cara berikut untuk tahun kewangan 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2021.

Pada pendapat kami, bagi tempoh dibawah tinjauan:

- a. Dana i-Makmur telah dilaburkan menurut senarai sukuk yang diluluskan oleh Syariah yang dikadarkan oleh Rating Agency Malaysia Berhad dan Malaysian Rating Corporation Berhad;
- b. Dana i-Mekar dilaburkan dalam ekuiti yang diluluskan oleh Syariah selaras dengan senarai sekuriti yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia;
- c. Dana i-Majmuk dilaburkan dalam ekuiti yang diluluskan oleh Syariah selaras dengan senarai sekuriti yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan menurut senarai sukuk yang diluluskan oleh Syariah yang dikadarkan oleh Rating Agency Malaysia Berhad dan Malaysian Rating Corporation Berhad; dan
- d. Pendapatan yang diperolehi dari aset-aset yang dilaburkan atau cara-cara yang tidak mematuhi prinsip Syariah telah diluluskan melalui kerja-kerja kebajikan.

Ditandatangani bagi pihak Jawatankuasa Syariah.

**Dr. Akhtarzaite binti Abdul Aziz**

**Dr. Mohammad Firdaus bin Mohammad Hatta**

Kuala Lumpur, Malaysia  
8 April 2022

## LAPORAN JURUAUDIT LUAR

Kepada Pemegang-pemegang Sijil Dana-dana Berkaitan Pelaburan

Great Eastern Takaful Berhad

(Diperbadankan di Malaysia)

### Laporan Mengenai Audit Maklumat Kewangan

#### *Pendapat Kami*

Pada pendapat kami, maklumat kewangan Dana-dana memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan pada 31 Disember 2021, selaras dengan dasar-dasar perakaunan yang dinyatakan dalam Nota 2.2 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan Perniagaan Berkaitan Pelaburan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

#### *Apa yang telah diaudit oleh kami*

Kami telah mengaudit maklumat kewangan untuk Dana-dana, yang terdiri daripada penyata aset dan liabiliti pada 31 Disember 2021, penyata perbelanjaan dan pendapatan, penyata perubahan dalam nilai aset bersih bagi tahun berakhir tersebut, dan ringkasan polisi perakaunan yang penting, seperti yang dinyatakan pada muka surat 21 hingga 49.

#### *Asas bagi Pendapat*

Kami telah menjalankan audit mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian-piawaian tersebut dihuraikan dengan lebih lanjut didalam seksyen "Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Maklumat Kewangan laporan" ini. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan sesuai untuk membentuk asas bagi pendapat kami.

#### *Penekanan perkara - asas perakaunan dan sekatan ke atas pengagihan dan penggunaan*

Kami ingin menarik perhatian kepada Nota 2.2 kepada maklumat kewangan Dana-dana, yang menjelaskan dasar perakaunan. Maklumat kewangan disediakan untuk membantu Dana-dana dalam memenuhi syarat Garis Panduan Perniagaan Berkaitan Pelaburan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia. Oleh itu, maklumat kewangan Dana-dana mungkin tidak sesuai untuk tujuan lain. Laporan kami adalah bertujuan semata-mata untuk pemegang sijil Dana-dana, sebagai sebuah badan dan tidak boleh diagihkan kepada atau digunakan oleh pihak lain selain daripada Dana-dana. Pendapat kami tidak diubahsuai berkenaan dengan perkara ini.

#### *Kebebasan dan tanggungjawab etika yang lain*

Kami beroperasi secara bebas daripada Dana-dana menurut Undang-undang Kecil (berkaitan Etika, Perilaku dan Amalan Profesional) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-undang Kecil") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Etika Profesional bagi Akauntan (termasuk Piawaian Kebebasan Antarabangsa) ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi tanggungjawab beretika yang lain menurut Undang-undang Kecil dan Kod IESBA.

## Laporan Juruaudit Luar (samb) Kepada Pemegang-pemegang Sijil Dana-dana Berkaitan Pelaburan Great Eastern Takaful Berhad (Diperbadankan di Malaysia)

### *Maklumat selain daripada penyata kewangan dan laporan juruaudit*

Para Pengarah Great Eastern Takaful Berhad ("Pengurus") bertanggungjawab untuk maklumat lain. Maklumat lain terdiri daripada maklumat yang terkandung dalam Laporan Tahunan Dana-dana Berkaitan Pelaburan, tetapi tidak termasuk maklumat kewangan Dana-dana dan laporan juruaudit kami mengenainya.

Pendapat kami ke atas maklumat kewangan Dana-dana tidak merangkumi maklumat yang lain dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan ke atas kesimpulannya.

Sehubungan dengan pengauditan kami ke atas maklumat kewangan Dana-dana, tanggungjawab kami adalah untuk membaca maklumat yang lain dan, dalam berbuat demikian, mempertimbangkan sama ada maklumat yang lain itu tidak selaras secara matan dengan maklumat kewangan Dana-dana atau maklumat yang kami perolehi daripada pengauditan atau sebaliknya menampakkan salah nyata yang matan.

Sekiranya, berasaskan kepada pengauditan yang telah kami melaksanakan pada maklumat lain, yang kami perolehi sebelum tarikh laporan audit ini kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata yang matan dalam maklumat lain tersebut, kami dikehendaki melaporkan maklumat tersebut. Sehubungan itu, kami tidak mempunyai sebarang maklumat untuk dilaporkan.

### *Tanggungjawab Para Pengarah Pengurus ke atas maklumat kewangan*

Para Pengurus bertanggungjawab untuk penyediaan maklumat kewangan Dana-dana yang memberi gambaran yang benar dan saksama selaras dengan dasar-dasar perakaunan seperti yang dinyatakan dalam Nota 2.2 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan mengenai Perniagaan Berkaitan Pelaburan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia. Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang sewajarnya bagi memastikan penyediaan maklumat kewangan Dana-dana yang bebas daripada salah nyata yang material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan maklumat kewangan, para Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Dana-dana untuk terus beroperasi sebagai satu usaha berterusan, menyatakan sepertimana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan perakaunan asas usaha berterusan melainkan sekiranya para Pengarah sama ada berhasrat untuk membubarkan Dana-dana atau menamatkan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik selain berbuat demikian.

Para Pengurus bertanggungjawab untuk memantau proses pelaporan kewangan Dana-dana

### *Tanggungjawab Juruaudit untuk mengaudit maklumat kewangan*

Objektif kami adalah untuk memperolehi jaminan yang wajar sekiranya maklumat kewangan Dana-dana secara menyeluruh adalah bebas daripada salah nyata matan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan membentangkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang wajar merupakan satu jaminan peringkat tinggi, namun ianya bukan jaminan bahawa audit yang dilaksanakan selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengenal pasti salah nyata matan sekiranya ianya wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap matan sekiranya, secara individu atau agregat, ianya secara wajar dijangka boleh mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil oleh para pengguna berasaskan maklumat kewangan ini.

## Laporan Juruaudit Luar (samb) Kepada Pemegang-pemegang Sijil Dana-dana Berkaitan Pelaburan Great Eastern Takaful Berhad (Diperbadankan di Malaysia)

Sebagai sebahagian daripada audit selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami mengamalkan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan audit. Kami juga:

- (a) Mengetahui pasti dan menilai risiko salah nyata matan maklumat kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan langkah-langkah audit yang responsif terhadap risiko tersebut, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan berpatutan sebagai asas bagi pendapat kami. Risiko tidak dapat mengesan salah nyata matan disebabkan oleh penipuan adalah lebih tinggi berbanding dengan yang disebabkan oleh kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, pengecualian bertujuan, salah nyata, atau pelanggaran kawalan dalaman.
- (b) Mendapatkan kefahaman terhadap kawalan dalaman berkaitan dengan audit untuk merangka langkah-langkah audit yang sewajarnya mengikut keadaan, tetapi bukan dengan tujuan memberi pendapat terhadap keberkesanan kawalan dalaman Dana-dana.
- (c) Menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan berkaitan yang dibuat oleh para Pengurus.
- (d) Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas perakaunan usaha berterusan oleh para Pengurus dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian matan berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan terhadap keupayaan dana-dana meneruskan operasi sebagai usaha berterusan. Sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian matan wujud, kami dikehendaki menyerlahkannya di dalam laporan juruaudit kami terhadap pendedahan berkaitan di dalam maklumat kewangan Dana-dana atau, sekiranya pendedahan tersebut tidak mencukupi mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa hadapan mungkin menyebabkan Dana-dana menamatkan operasi sebagai usaha berterusan.

Kami berkomunikasi dengan para Pengurus mengenai, antara lain, skop yang dirancang dan pemasaan audit dan penemuan audit penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan kami.

### Perkara-Perkara Lain

Laporan ini disediakan khusus bagi pemegang sijil Dana-dana, sebagai sebuah badan, dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana pihak lain berhubung kandungan laporan ini.

#### **PRICEWATERHOUSECOOPERS PLT**

LLP0014401-LCA & AF 1146

Akauntan-akauntan Bertauliah



## PENYATA-PENYATA ASET DAN LIABILITI pada 31 Disember 2021

Nota	2021			2020			
	Dana i-Makmur RM	Dana i-Mekar RM	Dana i-Majmuk RM	Dana i-Makmur RM	Dana i-Mekar RM	Dana i-Majmuk RM	
<b>Aset</b>							
Pelaburan	3	117,141,928	266,788,056	80,100,542	106,539,179	249,981,447	77,759,710
Cukai belum terima		–	65,125	164,849	–	–	–
Aset cukai tertunda	4	103,812	4,033	–	–	–	–
Lain-lain penghutang	6	8,349,980	13,871,757	12,037,652	8,810,832	8,165,093	9,713,372
Tunai dan baki bank		195,991	23,757,025	9,513,545	771,186	614,109	620,752
<b>Jumlah aset</b>		<b>125,791,711</b>	<b>304,485,996</b>	<b>101,816,588</b>	<b>116,121,197</b>	<b>258,760,649</b>	<b>88,093,834</b>
<b>Liabiliti</b>							
Lain-lain pemiutang	7	6,619,789	11,928,936	12,158,007	7,218,438	9,579,942	9,759,261
Liabiliti cukai tertunda	4	–	–	50,789	214,628	804,230	257,731
Peruntukan bagi cukai	9	176,288	–	–	634,170	1,516,954	53,822
<b>Jumlah liabiliti</b>		<b>6,796,077</b>	<b>11,928,936</b>	<b>12,208,796</b>	<b>8,067,236</b>	<b>11,901,126</b>	<b>10,070,814</b>
<b>Nilai aset bersih dana (“NAV”)</b>		<b>118,995,634</b>	<b>292,557,060</b>	<b>89,607,792</b>	<b>108,053,961</b>	<b>246,859,523</b>	<b>78,023,020</b>
<b>Diwakili oleh:</b>							
Modal pemegang-pemegang unit		99,041,285	268,759,223	84,031,807	85,977,921	215,856,528	69,104,335
Keuntungan terkumpul		19,954,349	23,797,837	5,575,985	22,076,040	31,002,995	8,918,685
<b>Akaun pemegang-pemegang unit</b>	5	<b>118,995,634</b>	<b>292,557,060</b>	<b>89,607,792</b>	<b>108,053,961</b>	<b>246,859,523</b>	<b>78,023,020</b>
<b>Unit dalam edaran</b>	5	<b>62,111,073</b>	<b>172,147,986</b>	<b>60,951,591</b>	<b>55,376,584</b>	<b>141,554,774</b>	<b>50,718,283</b>
<b>NAV setiap unit</b>	5	<b>1.916</b>	<b>1.699</b>	<b>1.470</b>	<b>1.951</b>	<b>1.744</b>	<b>1.538</b>

Nota yang dilampirkan membentuk sebahagian penting maklumat kewangan ini.

## PENYATA-PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021

Nota	2021			2020		
	Dana i-Makmur RM	Dana i-Mekar RM	Dana i-Majmuk RM	Dana i-Makmur RM	Dana i-Mekar RM	Dana i-Majmuk RM
Pendapatan pelaburan bersih						
Keuntungan daripada akaun pelaburan patuh Syariah	263,470	73,157	22,585	190,658	314,905	62,766
Keuntungan daripada sekuriti hutang korporat patuh Syariah	3,327,119	–	115,500	2,289,875	–	275,193
Keuntungan daripada sekuriti kerajaan Malaysia	813,550	–	32,128	1,239,147	–	111,025
Pendapatan dividen	–	7,712,232	1,995,522	–	5,961,066	1,334,503
Perbelanjaan pelaburan	(5,739)	(1,483,247)	(607,528)	(4,153)	(1,589,702)	(831,032)
	4,398,400	6,302,142	1,558,207	3,715,527	4,686,269	952,455
Keuntungan atas pelupusan pelaburan	–	–	–	4,120,204	19,924,971	950,587
Keuntungan bersih modal tidak direalisasikan	–	–	–	1,900,539	9,061,838	2,558,575
Lain-lain pendapatan	49,631	254,718	204,275	94,779	165,839	105,511
<b>Jumlah pendapatan</b>	<b>4,448,031</b>	<b>6,556,860</b>	<b>1,762,482</b>	<b>9,831,049</b>	<b>33,838,917</b>	<b>4,567,128</b>
Kerugian atas pelupusan pelaburan	(2,240,785)	(978,236)	(1,838,851)	–	–	–
Kerugian bersih modal tidak direalisasikan	(3,980,501)	(10,153,722)	(2,586,776)	–	–	–
Caj pengurusan aset	(547,733)	(3,808,273)	(1,015,208)	(473,212)	(2,864,852)	(865,566)
Lain-lain perbelanjaan	(2,982)	239,978	(2,154)	(3,162)	(127,127)	(2,635)
<b>Jumlah perbelanjaan</b>	<b>(6,772,001)</b>	<b>(14,700,253)</b>	<b>(5,442,989)</b>	<b>(476,374)</b>	<b>(2,991,979)</b>	<b>(868,201)</b>
<b>(Lebih perbelanjaan atas pendapatan)/lebih pendapatan atas perbelanjaan sebelum cukai</b>	<b>(2,323,970)</b>	<b>(8,143,393)</b>	<b>(3,680,507)</b>	<b>9,354,675</b>	<b>30,846,938</b>	<b>3,698,927</b>
Cukai	202,279	938,235	337,807	(696,320)	(2,214,837)	(241,509)
<b>(Perbelanjaan)/pendapatan bersih bagi tahun</b>	<b>(2,121,691)</b>	<b>(7,205,158)</b>	<b>(3,342,700)</b>	<b>8,658,355</b>	<b>28,632,101</b>	<b>3,457,418</b>
<b>Keuntungan terkumpul dibawa ke hadapan</b>	<b>22,076,040</b>	<b>31,002,995</b>	<b>8,918,685</b>	<b>13,417,685</b>	<b>2,370,894</b>	<b>5,461,267</b>
<b>(Perbelanjaan)/pendapatan bersih bagi tahun</b>	<b>(2,121,691)</b>	<b>(7,205,158)</b>	<b>(3,342,700)</b>	<b>8,658,355</b>	<b>28,632,101</b>	<b>3,457,418</b>
<b>Keuntungan terkumpul dihantar ke hadapan</b>	<b>19,954,349</b>	<b>23,797,837</b>	<b>5,575,985</b>	<b>22,076,040</b>	<b>31,002,995</b>	<b>8,918,685</b>

Nota yang dilampirkan membentuk sebahagian penting maklumat kewangan ini.





